

23 MAY 1999

KEDAH BANGUNKAN MAKAM BERSEJARAH SEBAGAI TEMPAT PELANCONGAN

ALOR SETAR, 23 Mei (Bernama) -- Kerajaan negeri Kedah mengenalpasti beberapa lagi makam bersejarah untuk dibangunkan sebagai destinasi pelancongan yang menarik, kata Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar dan Kebudayaan Negeri, Datuk Zainol Md Isa.

Beliau berkata antara makam itu ialah Makam Puteri Lindungan Bulan di Kota Siputeh, Kodiang yang akan dibaikpulih dan dipertingkatkan kemudahan asasnya seperti tempat riadah, gerai makanan dan kraftangan, surau serta tandas awam.

"Beberapa makam lama yang baru ditemui pula akan dikaji selidik dari aspek sejarah supaya ia diwartakan sebagai bahan bersejarah," katanya kepada pemberita selepas melawat Rumah Kelahiran Dr Mahathir Mohamad di sini.

Kubur-kubur lama itu ialah di Kampung Pisang, Alor Setar dan Kampung Alor Rambai, Jitra.

"Apa yang menarik, batu nesan kubur lama di Kampung Alor Rambai seakan-akan sama dengan batu nesan yang terdapat pada makam Tun Teja di Merlimau, Melaka," katanya.

Beliau berkata, selain dari makam-makam lama, rumah-rumah atau bangunan-bangunan yang mempunyai kaitan nostalgia negarawan ataupun pemimpin negara yang terdapat di negeri ini akan turut dikenalpasti bagi dijadikan galeri ataupun muzium.

"Kerajaan negeri akan mengkaji dari aspek sejarah bangunan tersebut dan kaitannya dengan tokoh-tokoh terbabit sebelum dicadangkan untuk dibangunkan sebagai tempat yang menarik untuk dilawati," katanya.

-- BERNAMA

MN NAK